

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : SKIM HIJRAH SELANGOR

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah peruntukan yang sudah disalurkan menerusi Skim Hijrah Selangor setakat ini?
 - b) Nyatakan jumlah peniaga mengikut pecahan DUN.
 - c) Berapakah jumlah pinjaman tertinggi yang diberikan setakat ini mengikut pecahan perniagaan?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah diterima oleh Hijrah Selangor daripada Kerajaan Negeri Selangor adalah sebanyak RM 186 juta termasuk RM50 juta dalam bentuk pinjaman.
- b) Jumlah peniaga mengikut DUN adalah seperti berikut:-

KOD DUN	DUN	BIL USAHAWAN	JUMLAH (RM)
N01	SUNGAI AIR TAWAR	942	6,809,000.00
N02	SABAK	1,155	7,512,000.00
N03	SUNGAI PANJANG	1,463	10,823,000.00
N04	SEKINCHAN	1,287	10,097,000.00
N05	HULU BERNAM	304	3,020,000.00
N06	KUALA KUBU BAHARU	259	2,513,000.00
N07	BATANG KALI	1,323	11,404,000.00
N08	SUNGAI BURONG	1,030	8,827,500.00
N09	PERMATANG	693	6,006,000.00
N10	BUKIT MELAWATI	547	4,318,000.00
N11	IJOK	376	2,892,000.00
N12	JERAM	960	8,325,000.00
N13	KUANG	404	2,768,000.00
N14	RAWANG	608	5,101,000.00
N15	TAMAN TEMPLER	596	5,305,000.00
N16	BATU CAVES	1,111	7,476,000.00
N17	GOMBAK SETIA	819	4,971,000.00
N18	HULU KLANG	505	3,102,000.00
N19	BUKIT ANTARABANGSA	212	1,503,500.00

KOD DUN	DUN	BIL USAHAWAN	JUMLAH (RM)
N20	LEMBAH JAYA	983	6,800,500.00
N21	CHEMPAKA	485	4,120,000.00
N22	TERATAI	380	3,443,000.00
N23	DUSUN TUA	546	6,188,000.00
N24	SEMENYIH	614	5,763,000.00
N25	KAJANG	957	8,439,000.00
N26	BANGI	544	7,740,000.00
N27	BALAKONG	741	8,820,000.00
N28	SERI KEMBANGAN	519	5,152,000.00
N29	SERI SERDANG	1,019	9,022,000.00
N30	KINRARA	442	3,585,000.00
N31	SUBANG JAYA	366	3,686,000.00
N32	SERI SETIA	591	5,826,000.00
N33	TAMAN MEDAN	898	7,434,500.00
N34	BUKIT GASING	200	2,174,000.00
N35	KAMPUNG TUNKU	556	7,259,000.00
N36	DAMANSARA UTAMA	1,006	8,587,000.00
N37	BUKIT LANJAN	317	2,110,000.00
N38	PAYA JARAS	958	9,136,000.00
N39	KOTA DAMANSARA	1,584	13,754,000.00
N40	KOTA ANGGERIK	999	10,148,500.00
N41	BATU TIGA	831	7,264,500.00
N42	MERU	782	7,832,000.00
N43	SEMENTA	732	8,386,500.00
N44	SUNGAI PINANG	473	4,584,500.00
N45	SELAT KLANG	370	3,610,000.00
N46	PELABUHAN KLANG	731	5,197,500.00
N47	PANDAMARAN	559	7,378,000.00
N48	KOTA ALAM SHAH	292	1,859,500.00
N49	SERI ANDALAS	956	6,635,000.00
N50	SRI MUDA	975	7,349,000.00
N51	SIJANGKANG	920	8,537,000.00
N52	TELOK DATOK	619	6,403,000.00
N53	MORIB	803	8,496,500.00
N54	TANJUNG SEPAT	420	4,549,000.00
N55	DENGKIL	1,297	15,239,000.00
N56	SUNGAI PELEK	1,101	12,062,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		41,160	367,343,500.00

- c) Jumlah pinjaman tertinggi yang diberikan setakat ini mengikut pecahan perniagaan adalah berjumlah RM50,000.00

KATEGORI PERNIAGAAN	JUMLAH PINJAMAN TERTINGGI (RM)	BILANGAN
PERNIAGAAN PEMAKANAN	RM50,000.00	97
PERNIAGAAN PEMBEKAL	RM50,000.00	287
PERNIAGAAN PEMROSESAN	RM50,000.00	18
PERNIAGAAN PENTERNAKAN	RM50,000.00	26
PERNIAGAAN PERKHIDMATAN	RM50,000.00	255
PERNIAGAAN PERTANIAN	RM50,000.00	19
JUMLAH		702

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

TAJUK : SENARAI KONTRAKTOR PEMBERSIHAN KDEB

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kontraktor pembersihan yang dilantik oleh KDEB di dalam kawasan Dewan Negeri Seri Andalas, sejak KDEB dilantik untuk menguruskan kerja-kerja pembersihan oleh Kerajaan Negeri.
- b) Senaraikan kawasan yang telah dipertanggungjawabkan kepada kontraktor pembersihan yang telah dilantik oleh KDEB di dalam kawasan Dewan Negeri Seri Andalas.
- c) Butirkan Skop Kerja dan Nilai Kontrak setiap kontraktor pembersihan yang dilantik oleh KDEB di dalam kawasan Dewan Negeri Seri Andalas.

JAWAPAN:

- a) Terdapat dua belas (12) subkontraktor pembersihan awam telah dilantik oleh KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEB Waste) di kawasan Dewan Negeri Seri Andalas. Kesemua sub-kontraktor ini telah dipilih melalui proses tender terbuka yang telah dilaksanakan oleh KDEB Waste selaras dengan arahan Kerajaan Negeri. Senarai dua belas (12) sub-kontraktor tersebut adalah seperti berikut:

1.	Zon PK15	-	Perniagaan Yatik
2.	Zon PK37	-	Zamnor Solutions
3.	Zon PK38	-	Zes Gemilang Sdn. Bhd.
4.	Zon PK39	-	Bahazam Services Sdn. Bhd.
5.	Zon PK40	-	Maizul Maju Enterprise
6.	Zon PK41	-	Sraf Empire Enterprise
7.	Zon PK42	-	Sempurna Jati Enterprise
8.	Zon PK43	-	Sunshine Golden Rich Enterprise
9.	Zon PK44	-	Azam Enterprise
10.	Zon PK45	-	STNK Enterprise
11.	Zon PK61	-	Heo Avina Enterprise
12.	Zon PK62	-	Nashmar Iman Maju Enterprise

- b) KDEB Waste telah mengambil alih kerja-kerja pembersihan awam dari Majlis Perbandaran Klang secara berperingkat selaras dengan arahan Kerajaan Negeri supaya pengambilalihan hanya dibuat sebaik sahaja kontrak asal

kontraktor sedia ada dengan PBT berkenaan tamat. Kesemua dua belas (12) sub-kontraktor ini telah dibahagikan kepada zon kerja masing-masing yang meliputi keseluruhan kawasan di dalam Zon Dewan Negeri Seri Andalas seperti yang disertakan di Lampiran 1.

c) Skop kerja pembersihan awam di seluruh kawasan yang diuruskan oleh KDEB Waste di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Klang (MPK) adalah seperti berikut:

1. Pemotongan rumput di semua kawasan perumahan dan komersial tidak termasuk taman permainan, taman awam, Jalan Persekutuan, Jalan JKR, Jalan Persiaran, Rezab Parit JKR dan JPS;
2. Pembersihan / sapuan semua jalan kecuali Jalan Persekutuan, Jalan JKR, Jalan Persiaran dan Jalan Kampung;
3. Pembersihan semua longkang bersaiz 1.5 meter dan ke bawah kecuali longkang tanah, longkang taman permainan, longkang taman awam, longkang di sepanjang Jalan Persekutuan, longkang di sepanjang jalan JKR, longkang di sepanjang Jalan Persiaran dan longkang di sepanjang Jalan Kampung;
4. Pembersihan semua pasar malam dan pasar pagi (kecuali pasar tani);
5. Pembersihan jejantas;
6. Pembersihan perhentian bas;
7. Kutipan sampah kebun, pukal, haram dan longgok.

Nilai purata kontrak bagi dua belas (12) sub-kontraktor pembersihan awam di kawasan Dewan Negeri Seri Andalas adalah RM25,589.55 sebulan dengan skala di antara RM20,000.00 hingga RM30,800.00 sebulan. Nilai kontrak ini berbeza-beza bergantung kepada jumlah inventori di kawasan zon pembersihan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : NILAI KONTRAK KERJA-KERJA DALAM KAWASAN DEWAN NEGERI
SERI ANDALAS**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan Nilai Kontrak dan Skop Kerja yang diberikan kepada kontraktor yang dilantik oleh Majlis Perbandaran Klang untuk kerja-kerja pembinaan Kolam Tadahan Taman Sg Jati, Kg Jawa, Klang.
- b) Butirkan Nilai Kontrak dan Skop Kerja yang diberikan kepada kontraktor yang dilantik oleh Majlis Perbandaran Klang untuk kerja-kerja menaik taraf Padang Bola Taman Klang Jaya, Klang.

JAWAPAN:

- a) Pembinaan kolam tadahan Taman Sungai Jati mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan terbahagi kepada mekanikal dan elektrik.
 - i) Kontrak sivil bernilai RM228,510.00. Skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut :
 - Melibatkan pengorekan tanah di sebahagian padang sediaada seluas 3000m³.
 - Melantak cerucuk bagi pemasangan 2mx1mx1m raga gabian dengan isian batu sebanyak 135 unit.
 - Membina pagar 'chain link' setinggi 1200mm lengkap dengan tiang sepanjang 50m.
 - ii) Kontrak mekanikal dan elektrik bernilai RM385,000.00. Skop kerja yang terlibat adalah seperti berikut :
 - Membekal dan memasang 2 unit "submersible" pam baru 17.73kw dengan keupayaan mengepam 280 l/saat bagi menambah keperluan pam sediaada ditapak.
 - Menaiktaraf sistem kawalan dan agihan elektrik dan urusan kelulusan dengan TNB.
 - Pembinaan bumbung dan pagar 'anti climb' di kawasan rumah pam.
 - Membekal dan memasang 4 unit perangkap sampah jenis 'grating GI plate'.

b) Harga kontrak yang ditawarkan adalah bernilai RM166,840.00. Skop kerja adalah seperti berikut :-

- i. Pelebaran 'trek jogging' sedia ada jenis turapan premix sepanjang 410 meter dari saiz asal 5 kaki kepada 8 kaki serta kerja-kerja asas dari 'crusher run' dan dilengkapi dengan paip upvc melintang melalui trek bagi tujuan aliran air dari padang ke longkang.
- ii. Kerja-kerja menambak tanah secara 'spot turf' bagi sebahagian kawasan padang yang tidak rata dengan 'top soil' dan dikemaskan dengan 'cow grass' dengan keluasan anggaran 6000 m³.
- iii. Pemasangan paip bawah tanah jenis 'HOPE pipe' berukuran 225mm diameter dan bahagian tengah padang ke hujung bagi tujuan saluran air bertakung di padang sepanjang 300 meter.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PEDULI SISWA

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri Selangor dapat membantu pelajar-pelajar Timur Tengah yang mendapat tawaran belajar di sana seperti Peduli Siswa untuk pelajar tempatan?

JAWAPAN:

- a) Bermula tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memberikan pembiayaan pendidikan dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar di Mesir, Jordan dan Maghribi di bawah Peduli Siswa Timur Tengah. Seramai 1,003 pelajar telah menerima manfaat di bawah program ini bagi tahun 2017 yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM3.45 juta. Program ini diteruskan pada tahun 2018 dengan jumlah peruntukan yang sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BANTUAN BAS SEKOLAH UNTUK KELUARGA MISKIN BANDAR

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Tambang bas sekolah yang mahal di bandar telah membebankan ibubapa yang mempunyai beberapa orang anak bersekolah. Apakah bantuan bas sekolah dapat dipanjangkan kepada pelajar di bandar?
- b) Apakah syarat-syarat permohonan dan cara permohonan?

JAWAPAN:

a) dan b)

Saya menyambut baik akan keprihatinan Yang Berhormat Taman Medan dalam menyuarakan persoalan berkenaan hal ehwal semasa yang melibatkan pendidikan anak-anak pada masa kini. Sepertimana kita semua sedia maklum, kadar tambang bas sekolah kian meningkat dari tahun ke tahun serta dengan penguatkuasaan penggunaan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) pada masa kini. Justeru itu, secara tidak langsung memberi impak yang tinggi dari aspek kewangan kepada ibu bapa yang mempunyai tanggungan anak persekolahan yang ramai. Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah menyediakan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah khusus kepada anak-anak pekerja ladang yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang di seluruh Negeri Selangor. Bantuan ini disasarkan khusus kepada anak-anak pekerja ladang sahaja yang diklasifikasikan sebagai golongan miskin dan sering ketinggalan di dalam arus pendidikan yang berkembang pesat.

Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan, syarat-syarat Program Subsidi Tambang Bas Sekolah adalah seperti berikut :-

- i) Terbuka kepada anak-anak pekerja ladang atau bekas pekerja ladang yang bersekolah di Negeri Selangor dengan pendapatan penjaga mereka adalah di bawah RM1,500.00 sebulan
- ii) Permohonan haruslah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah yang berkenaan

- iii) Seorang pelajar hanya layak menerima sumbangan subsidi RM300.00 dari Kerajaan Negeri Selangor sekali sahaja dalam tempoh satu tahun.

Pemberian Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah kepada anak-anak pekerja ladang adalah terhad dengan mengutamakan permohonan terawal yang diterima memandangkan peruntukan sedia ada adalah sebanyak RM1.3 juta dengan merangkumi program-program sedia ada seperti:

- i. Majlis Penyampaian Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Di Seluruh Negeri Selangor
- ii. Program Bantuan Yuran Pengajian Anak-Anak Pekerja Ladang di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta
- iii. Program Subsidi Tambang Bas Sekolah Bagi Anak-anak Pekerja Ladang Di Seluruh Negeri Selangor
- iv. Program-program motivasi, seminar dan bengkel bagi meningkatkan taraf pendidikan di kalangan anak-anak pekerja ladang

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri senantiasa peka akan keperluan dan kebajikan rakyat di Negeri Selangor. Melalui Inisiatif Peduli Rakyat (IPR), Program Bas *Smart* Selangor adalah merupakan program bas percuma yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Perkhidmatan bas percuma ini akan melalui laluan utama di kawasan-kawasan tumpuan di Negeri Selangor. Secara tidak langsung, rakyat dapat memanfaatkan perkhidmatan ini khususnya bagi pelajar-pelajar sekolah sebagai alternatif untuk mengurangkan kos bas persekolahan di bandar-bandar. Bas *Smart* Selangor merupakan komitmen Kerajaan Negeri bagi membantu meringankan bebas kos sara hidup rakyat Negeri Selangor yang kian meningkat dan ia adalah terbuka kepada semua orang awam di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : BANDARAYA/ BANDAR SELAMAT

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ciri-ciri yang dilaksanakan di Bandaraya/ Bandar di Selangor untuk menjamin keselamatan bagi kaum wanita dan gadis di ruang awam?

JAWAPAN:

- a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan Garis Panduan *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)* yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Antara ciri-ciri yang dilaksanakan di Bandaraya/ Bandar di Selangor untuk menjamin keselamatan bagi kaum wanita dan gadis di ruang awam adalah seperti:
- i) **Mensyaratkan penyediaan tempat letak kereta khas untuk wanita**
PBT mewajibkan semua bangunan komersial supaya menyediakan tempat letak kereta khas untuk wanita. Syarat tersebut akan dinyatakan di dalam kelulusan Kebenaran Merancang bagi setiap pembangunan baru, manakala bagi premis komersial sediaada syarat tersebut akan dikenakan semasa proses memperbaharui lesen perniagaan. Kemudahan tempat letak kereta khas ini akan dilengkapi dengan kemudahan CCTV, pengawal keselamatan dan berhampiran dengan pintu masuk bangunan.
 - ii) **Penyediaan kemudahan CCTV**
Kemudahan CCTV juga adalah antara faktor/aspek yang dikenakan ke atas pemaju untuk disediakan samada di kawasan tempat letak kereta (khas wanita) dan di sekitar bangunan perdagangan.
 - iii) **Menaiktaraf pencahayaan**
Laluan-laluan pejalan kaki dinaiktaraf dengan menyediakan lampu-lampu jalan bagi memastikan tiada sebarang ruang gelap atau tersembunyi yang terdedah kepada peluang jenayah berlaku.
 - iv) Kemudahan **sokongan lain** juga disediakan oleh pihak pemaju adalah seperti pengawal keselamatan dan bits polis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TANAH PAJAKAN DAN PEGANGAN BEBAS

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan kawasan-kawasan berikut status tanah sama ada Pegangan Bebas atau Pajakan :- PJS 1 hingga 4, Seksyen 1 hingga 4, Seksyen 14, Seksyen 51A di Petaling Jaya.

JAWAPAN:

- a) Dimaklumkan status tanah adalah seperti yang berikut:

Bil	Kawasan	Jenis Pegangan
1	PJS 1 – PJS 4	Pajakan 99 tahun
2	Seksyen 1 – 4, Petaling Jaya	Pajakan 99 tahun
3	Seksyen 14, Petaling Jaya	Pajakan 99 tahun
4	Seksyen 51 A	Pajakan 99 tahun

Keseluruhan kawasan di atas merupakan kawasan yang telah diberimilik oleh Kerajaan Negeri dengan tempoh pajakan tidak lebih dari 99 tahun. Kawasan yang berpegangan bebas di Petaling Jaya hanyalah sebahagian dari Seksyen 5 (kawasan Petaling Garden) sahaja kerana kawasan ini dahulunya merupakan kawasan Petaling Estate.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan projek Rumah Selangorku di Petaling Jaya. Jenis unit, harga seunit, bilangan unit, jadual siap projek.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah senarai dan perincian projek Rumah Selangorku dalam pembinaan di Petaling Jaya:-

Perincian projek dalam pembinaan :-

No	Pemaju	Projek	Jenis Unit	Harga	Tarikh siap pembinaan
1	TACT Mission Sdn. Bhd.	Di Atas Lot PT 1981, Jalan PJS 4/27, Mukim Petaling, Petaling Jaya Selatan, Daerah Petaling.	375 (Jenis D)	RM250,000.00	2019

Perincian projek dalam peringkat perancangan :-

No	Pemaju	Projek	Jenis Unit	Harga
1	Country Wheels Sdn. Bhd.	Hakmilik HSD 261774 PT 11905 dan HSD 291591 PT 12614 Di Pekan Sungai Buloh, Daerah Petaling.	100 (Jenis B)	RM100,000.00 (Jenis B)
			100 (Jenis C)	RM180,000.00 (Jenis C)
			236 (Jenis D)	RM250,000.00 (Jenis D)
Jumlah			436 Unit	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : STATISTIK PENERIMAAN PROGRAM PEDULI RAKYAT

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila perincikan setiap program IPR yang telah memberi manfaat kepada DUN Batu Tiga mengikut program, bilangan dan jumlah kewangan yang telah di peruntukan semenjak 2013 sehingga sekarang (terutama SMUE, Peduli Sihat, KISS, Mamogram, TAWAS, Hadiah IPT & Perkahwinan, dan lain-lain)

JAWAPAN:

- a) Semua rakyat di Negeri Selangor layak dan mempunyai peluang untuk menikmati manfaat dari setiap Program IPR yang diperkenalkan. Perincian jumlah bilangan penerima dan perbelanjaan setiap program IPR bagi DUN Batu Tiga dari tahun 2013 hingga kini adalah seperti Jadual 1 di bawah. Walau bagaimanapun, terdapat program di bawah IPR yang tidak mempunyai data pecahan mengikut DUN.

Jadual 1: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Setiap Program IPR Bagi DUN Batu Tiga Dari Tahun 2013 Hingga 2017

BIL.	PROGRAM	PENERIMA FAEDAH	JUMLAH PERBELANJAAN
1	Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
2	Program Khas Peduli Siswa	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
3	Program Khas Biasiswa Selangorku	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
4	Biasiswa Khas Sagong Tasi	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
5	Program Khas Selangor Brain Bank	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
6	Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor (Tabung Kumpulan Wang Biasiswa)	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
7	Tuisyen Online	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
8	Program Tuisyen Rakyat Selangor	429	273,106.42
9	Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor	18 Sekolah	1,196,715.00
10	Hadiah Pengajian IPT	672	672,000.00
11	Bantuan Sara Diri Anak	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN

BIL.	PROGRAM	PENERIMA FAEDAH	JUMLAH PERBELANJAAN
	Selangor		
12	Program Mentor Kraf	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
13	Latihan Usahawan IT (SITEC)	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
14	Skim Hijrah Selangor	831	7,264,500.00
15	Program Kemahiran Teknikal – INPENS International College	44	403,085.00
16	Dana Usahawan Mikro Selangor	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
17	PROGRESS	400	6,429,536.00
18	Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan	8	27,800.00
19	Skim Smart Sewa	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
20	Skim DanaSel	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
21	Skim Rumah Selangorku	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
22	Skim Ceria (Mengecat Rumah, baiki lif)	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
23	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
24	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKEMBAR)	66	55,800.00
25	Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)	611	315,270.00
26	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	724	1,803,000.00
27	Insentif Perkahwinan Belia	1,077	191,700
28	Perpustakaan Bergerak Smart Selangor	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
29	Skim Peduli Sihat	3,445	150,710.22
30	Panel Dialisis Sihat Selangor	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
31	Bantuan Sihat Selangor	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
32	Saringan Sihat Selangor (3S)	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
33	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	1825	265,700.00
34	Smart Selangor Food Stamp (Program Bantuan Makanan Asas Smart Selangor)	200	95,000.00
35	Bas Smart Selangor	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
36	Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu Pertama	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
37	Wifi Smart Selangor	147,942	Tiada Pecahan Mengikut DUN
38	Bantuan Kebajikan	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN

BIL.	PROGRAM	PENERIMA FAEDAH	JUMLAH PERBELANJAAN
	Masyarakat (Bantuan Am)		
39	Pengecualian Cukai Pintu	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
	Pengecualian Fi Lesen	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
40	Bantuan Bina dan Baiki Rumah (Kerajaan Prihatin)	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN
41	Program Pemberian Bantuan Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan	5719	571,900.00
42	Nusantara Audiobook	Tiada Pecahan Mengikut DUN	Tiada Pecahan Mengikut DUN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : HIJRAH SELANGOR

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah yang telah mendapat manfaat Hijrah dan pinjaman yang telah dikeluarkan hanya untuk pengundi Batu Tiga semenjak 2013-sekarang.
- b) Berapakah jumlah peserta Hijrah yang telah berjaya menjadi usahawan yang telah mendapat pendapatan melebihi RM2 ribu dari perniagaan yang telah dijalankan? Sila berikan perincian mereka.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah bilangan peserta Hijrah Selangor untuk Dun Batu Tiga sehingga kini.

PERKARA	BILANGAN USAHAWAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
HIJRAH SELANGOR	831	7,264,500.00

- b) Jumlah peserta Hijrah yang telah berjaya menjadi usahawan yang telah mendapat pendapatan melebihi RM2 ribu dari perniagaan yang telah dijalankan adalah seperti berikut :

KATEGORI PERNIAGAAN	BILANGAN USAHAWAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
PERNIAGAAN PEMAKANAN	10,040	73,589,500.00
PERNIAGAAN PEMBEKAL	12,902	105,980,500.00
PERNIAGAAN PEMROSESAN	552	5,016,000.00
PERNIAGAAN PENTERNAKAN	636	6,243,000.00
PERNIAGAAN PERKHIDMATAN	7,566	72,929,000.00
PERNIAGAAN PERTANIAN	1,562	11,516,000.00
JUMLAH	33,258	275,274,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : ISU AIR PERCUMA DI PANGSAPURI PKNS

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lagi pangsapuri yang masih milik PKNS atau PKNS menjadi JMB bersama, belum lagi menerima manfaat air percuma di sekitar DUN Batu Tiga? Sila senaraikan.
- b) Apakah isu yang menyebabkan ianya tertangguh, sila nyatakan?
- c) Apakah kaedah penyelesaian yang akan diambil dan dicadangkan untuk isu ini diselesaikan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod LPHS didapati tiada pangsapuri di DUN Batu Tiga yang pemilik tanahnya adalah Kerajaan Negeri. Kesemua pangsapuri kos rendah yang masih dibayar melalui meter pukal adalah dibeli oleh pemilik melalui pemaju. Oleh itu, senarai pangsapuri yang masih milik Kerajaan Negeri Selangor atau Kerajaan Negeri Selangor menjadi JMB bersama yang belum lagi menerima manfaat air percuma di sekitar DUN Batu Tiga tidak dapat dikemukakan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, penduduk pangsapuri hanya akan menerima manfaat air percuma melalui pemotongan rebet pada akaun meter air individu masing-masing. Namun, atas keprihatinan Kerajaan Negeri, Skim SAFWA (*Selangor Free Water Apartment*) diwujudkan untuk memastikan penduduk pangsapuri kos rendah yang masih belum melaksanakan migrasi meter air individu dapat menerima manfaat air percuma melalui kaedah "Lapor Dan Dapat".

Selain itu Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM7 juta melalui Skim PERMAI CERIA (Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu CERIA) untuk bantuan pelaksanaan migrasi meter pukal kepada meter air individu secara perkongsian kos di antara Kerajaan Negeri (60%) dan penduduk (40%). Sehingga kini, sejumlah 33 pangsapuri telah mendapat bantuan PERMAI CERIA dengan nilai kos sejumlah RM2,678,765.08. Walau bagaimanapun, sebagai langkah gesaan supaya Badan Pengurusan Bersama atau

Perbadanan Pengurusan mengambil tindakan segera, Kerajaan Negeri telah menetapkan had tempoh bantuan PERMAI CERIA berakhir pada 30 Jun 2017 selaras dengan keputusan majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 34/2016 bertarikh 12 Oktober 2016.

Manakala, penguatkuasaan ke atas kegagalan mana-mana pihak untuk melaksanakan migrasi meter air individu (sama ada badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Pengurusan, Ejen Pengurusan mahupun pemilik rumah adalah di bawah bidang kuasa Suruhajaya Perkhidmatan Air Negara selaras dengan Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Retikulasi Air Dan Pemasangan Paip) &Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi Dan Caj Perkhidmatan Air) 2014.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK : HUTANG KERAJAAN NEGERI

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan hutang kewangan oleh KNS sama ada kepada Kerajaan Persekutuan atau mana-mana pihak. Sila senaraikan semenjak 2008 - kini.
- b) Apakah status terikini hutang-hutang tersebut?
- c) Apakah rancangan KNS bagi meyelesaikan hutang-hutang ini?

JAWAPAN:

a) dan b)

Jumlah terkini hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga **31 Disember 2017** adalah berjumlah **RM1,126.39 juta**. Sejumlah 96.30% daripadanya merupakan pinjaman bagi Projek Bekalan Air.

Selain daripada Projek Bekalan Air, pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Skim Amanah Saham Selangor iaitu 2.52%; dan
- (ii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor iaitu 1.18%.

Senarai hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan semenjak tahun 2008 sehingga kini adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Senarai hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan dari tahun 2008 sehingga 2017

Tahun	Jumlah hutang (RM)
2008	1,072.98
2009	1,063.55
2010	1,004.65
2011	979.64
2012	897.03

Tahun	Jumlah hutang (RM)
2013	882.62
2014	957.20
2015	1,028.36
2016	1,095.06
2017	1,120.91

- c) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan tahunan juga akan disediakan secukupnya dalam Anggaran Belanjawan Tahunan.

Perincian bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2017 yang berjumlah RM29,533,931.67 adalah seperti berikut:

- (i) Projek Perumahan Awam Kos Rendah : RM5,908,650.08;
- (ii) Projek Bekalan Air : RM16,988,199.40;
- (iii) Skim Amanah Saham Selangor : RM1,893,379.46; dan
- (iv) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM4,743,702.73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : RIZAB NEGERI SELANGOR

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah baki rizab Negeri Selangor setiap tahun, dari tahun 2013 hingga 2017?
- b) Apakah faktor yang menyumbang kenaikan rizab negeri?
- c) Apakah usaha Kerajaan untuk terus meningkatkan rizab negeri?

JAWAPAN:

a) Baki rizab Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

PERIHAL	2017 RM JUTA	2016 RM JUTA	2015 RM JUTA	2014 RM JUTA	2013 RM JUTA
AKAUN HASIL DISATUKAN	1,082.36	1,450.92	1,595.58	1,202.34	1,090.40
AKAUN AMANAH DISATUKAN	1,756.46	1,600.28	1,663.03	1,998.57	1,816.70
JUMLAH KUMPULAN WANG DISATUKAN:	2,838.82	3,051.20	3,258.61	3,200.91	2,907.10

- b) Faktor yang menyumbang kepada kenaikan rizab Negeri adalah peningkatan hasil sebanyak 10.20% daripada anggaran pada tahun 2017 iaitu hasil cukai berjumlah RM666.38 juta meningkat 5.89%, hasil bukan cukai berjumlah RM1,929.11 juta meningkat 12.88% dan lain-lain terimaan berjumlah RM214.62 juta iaitu meningkat 1.39%.
- c) Usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk terus meningkatkan Rizab Negeri adalah dengan meningkatkan kutipan hasil melalui langkah-langkah berikut:
 1. Mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Negeri Selangor;
 2. Mengkaji sumber Hasil baru Negeri Selangor bersama Jabatan Pemungut Hasil;

3. Melaksanakan Sesi engagement dengan Jabatan/ Agensi berkenaan bagi mendapatkan hasil yang perlu diterima oleh Kerajaan Negeri. (Sesi engagement bersama Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), JPPH, PTGS dan PDT);
4. Melaksanakan Operasi Mengutip Cukai Tanah Tertunggak Ke Atas Penunggak Tegar (Ops. Kutip) PNS bersama PDT;
5. Menggalakkan Program Perjumpaan Bersama Penduduk oleh PDT dan Anak Syarikat / Agensi Kerajaan Negeri Selangor;
6. Pengiklanan meningkatkan kesedaran bayaran cukai tanah melalui surat khabar oleh PNS. Pada tahun 2018, iklan komersial di saluran TV dan media sosial akan dilaksanakan oleh pihak PTG Selangor; dan
7. Mengadakan Bengkel dan Sesi Percambahan Fikiran Bersama Pejabat Tanah Galian Selangor dan Pejabat Tanah/ Daerah yang memberikan fokus bagi mencari idea dan strategi penyelesaian tunggakan cukai tanah hakmilik bermasalah.
8. Mewujudkan Jawatankuasa Khas Pemantauan Kutipan Hasil Premium Tanah 2017 yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri dengan dihadiri oleh semua Pegawai Daerah;
9. Mengadakan Sesi engagement yang berterusan oleh pihak PTGS dan PTD dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang dikenakan;
10. Melaksanakan kutipan hasil baru yang bermula pada tahun 2017 iaitu Pajakan Tanah Rizab Kerajaan dan Pemberimilikan Tanah secara Tender Terbuka;
11. Pengiraan Semula Cukai Tanah (PCT) setiap 10 tahun telah dilaksanakan pada tahun 2017 berdasarkan Kanun Tanah Negara;
12. Task Force Penyelesaian Hakmilik Bermasalah Bertunggakan yang berhadapan dengan isu teknikal tanah oleh PTG Selangor. Task Force ini membuat siasatan bersama PDT bagi menyelesaikannya masalah secara kes demi kes. Laporan penyelesaian hakmilik bermasalah dan pengurangan tunggakan cukai tanah dibentangkan dalam Mesyuarat Pemantauan Hasil Cukai Tanah Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri; dan

13. Mengadakan Sesi engagement oleh PTGS dan PDT dengan Jabatan Insolvensi/ pelikuidasi bagi mendapatkan bayaran kutipan cukai tanah daripada pemaju yang telah digulung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : BAJET KERAJAAN KEPADA JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
(JAIS)**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bajet tahunan JAIS dari tahun 2013 hingga 2017?
- b) Apakah program utama JAIS dalam melaksanakan bajet yang disediakan ?
- c) Apakah usaha JAIS dalam memenuhi keperluan Sekolah Rendah Agama (SRA) yang kian meningkat ?

JAWAPAN:

- a) Penerimaan bajet tahunan (B14 Belanja Mengurus) JAIS dari tahun 2013 hingga 2017:

TAHUN	TERIMAAN PERUNTUKAN
2013	224,354,224.09
2014	229,391,956.00
2015	236,640,301.29
2016	264,035,004.00
2017	289,719.389.00


- b) Keutamaan perbelanjaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) setiap tahun seperti dalam Belanjawan Negeri Selangor dari tahun 2013 hingga 2017 seperti di Jadual 1 dan 2.
- c) Sentiasa prihatin dengan rancangan pembangunan dengan mengikut *track* RMK yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. JAIS akan mengikut setiap perbelanjaan pembangunan yang diluluskan.

**KEUTAMAAN PERBELANJAAN SETIAP TAHUN DARI TAHUN 2013 HINGGA 2017 MENGIKUT OBJEK AM
(BELANJA MENGURUS)**

TAHUN	EMOLUMEN	%	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	%	ASET	%	PEMBERIAN DAN BAYARAN TETAP	%	JUMLAH
2013	100,069,839.73	44.60	121,693,629.36	54.24	30.00	0.00	2,590,725.00	1.15	224,354,224.09
2014	101,140,895.64	44.09	123,292,605.36	53.75	1,045,030.00	0.46	3,913,425.00	1.71	229,391,956.00
2015	104,179,884.83	44.02	128,229,661.46	54.19	640,030.00	0.27	3,590,725.00	1.52	236,640,301.29
2016	106,705,526.54	40.41	153,028,712.46	57.96	710,030.00	0.27	3,590,735.00	1.36	264,035,004.00
2017	112,606,661.65	38.87	170,694,162.35	58.92	2,247,830.00	0.78	4,170,735.00	1.44	289,719,389.00

JADUAL 2

KEUTAMAAN PERBELANJAAN SETIAP TAHUN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2017 MENGIKUT OBJEK AM



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MASJID DI NEGERI SELANGOR

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa buah masjid baru telah dibina di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2017?
- b) Berapa kos keseluruhan pembangunan masjid tersebut?
- c) Berapa buah masjid telah diubah suai dari tahun 2008 hingga tahun 2017?

JAWAPAN:

a) dan b)

**SENARAI MASJID YANG TELAH SIAP DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 2017 DI
SELANGOR**

BIL	MASJID	DAERAH	TAHUN	KOS KESELURUHAN (RM)
1	Masjid Kg. Lindungan Pjs 6	Petaling	2011	6,206,919.10
2	Masjid Bukit Jelutong	Petaling	2011	23,716,479.26
3	Masjid Negeri (Kafeteria)	Petaling	2011	817,200.84
4	Masjid Sg. Ramal Luar	H.Langat	2011	4,233,222.62
5	Masjid Ubudiah Sg. Darah	K.Selangor	2011	4,739,176.45
6	Masjid Gesir Tengah (Baikpulih)	H.Selangor	2011	891,734.36
7	Masjid Binjai Jaya	S.Bernam	2011	5,428,904.05
8	Masjid Kg. Raja Uda	Klang	2011	8,279,762.95
9	Masjid Taman Sri Muda	Klang	2011	7,337,361.41
10	Masjid Kg. Jenjarum	K.Langat	2011	5,510,920.53

BIL	MASJID	DAERAH	TAHUN	KOS KESELURUHAN (RM)
11	Masjid Dato' Haji Kamaruddin	Petaling	2012	8,868,921.83
12	Masjid Jamek Tun Uda Sek. 16, Shah Alam	Petaling	2012	2,002,568.00
13	Masjid Simpang 3, Ijok	K.Selangor	2012	5,572,746.35
14	Masjid Felda Sg. Tenggi	H.Selangor	2012	5,602,305.30
15	Masjid Sek. 7 Shah Alam	Petaling	2013	5,505,843.68
16	Masjid Saidina Ali, Bkt Sentosa 2	H.Selangor	2013	5,129,215.28
17	Masjid Al-Hidayah, Johan Setia	Klang	2015	4,978,662.00
18	Masjid Al-Islah Sementa	Klang	2016	9,986,269.17
19	Masjid Taman Padu Permai	Sabak Bernam	2016	8,300,000.00
20	Masjid Jalan Kebun	Klang	2016	7,456,000.00
21	Masjid Zakaria	Gombak	2017	13,000,000.00
22	Masjid Taman Ukay Perdana, Hulu Klang	Gombak	2017	12,000,000.00
23	Masjid Taman Tun Teja	Gombak	2017	11,000,000.00
24	Masjid Jamek Pekan Kajang (Naiktaraf)	Hulu Langat	2017	5,000,000.00
25	Masjid Al-Islah Seri Kembangan	Petaling	2017	5,500,000.00

- c) Jumlah masjid yang telah diubah suai dari tahun 2008 hingga 2017 ialah sebanyak 658 buah masjid yang telah diubah suai

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PENGAMBILAN PELAJAR MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS (MITS)
NEGERI SELANGOR**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah kemasukkan pelajar MITS setiap tahun dari 2008 hingga 2017?
- b) Berapa jumlah Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) seluruh negeri hingga kini?
- c) Berapa kos pembangunan untuk setiap pembinaan bangunan Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS)?

JAWAPAN:

- a) Berikut merupakan jumlah kemasukan pelajar MITS setiap tahun dari 2008 hingga 2017:

MITS	JUMLAH KEMASUKAN TINGKATAN 1 MENGIKUT TAHUN									
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017
KUALA LANGAT	60	120	60	60	60	60	60	60	60	60
KLANG	-	120	60	60	60	60	60	60	60	60
SABAK BERNAM	-	-	-	50	50	50	50	50	50	50
SEPANG	-	-	-	-	-	-	-	60	60	60
JUMLAH	60	240	120	170	170	170	170	230	230	230

- b) Terdapat 4 buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) seluruh Negeri hingga kini (2018).

c) Kos pembangunan adalah seperti berikut:

BIL.	MASJID	DAERAH	TAHUN	KOS KESELURUHAN (RM)
1	Maahad Tahfidz Sains & Teknologi Alam Impian	Klang	2011	35,904,274.48
2	Maahad Tahfidz Sains & Teknologi Bagan Terap	Sabak Bernam	2014	3,806,000.00
3	Maahad Tahfidz Sains & Teknologi Istana Bandar	Kuala Langat	2017	34,207,600.44
4	Maahad Tahfidz Sains & Teknologi Bagan Lalang	Sepang	2017	18,275,400.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak pembiayaan Hijrah telah dibelanjakan dari mula program ini dilaksanakan sehingga Disember 2017 ?
- b) Berapa ramai usahawan telah dibantu dalam skim ini ?
- c) Berapa ramai penerima bantuan mengikut pecahan kaum Melayu, Cina dan India ?

JAWAPAN:

- a) Pembiayaan Hijrah yang telah di belanjakan dari mula program ini dilaksanakan sehingga Disember 2017 adalah sebanyak RM339,047,500.00
- b) Seramai 39,502 usahawan yang telah menerima pembiayaan Hijrah Selangor.
- c) Jumlah usahawan mengikut kaum adalah seperti berikut :

BANGSA	MELAYU	PERATUS (%)	CINA	PERATUS (%)	INDIA	PERATUS (%)	JUMLAH PESERTA	PERATUS (%)
BILANGAN	36,320	92	672	1.7	2,510	6.3	39,502	100

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramai penerima Kad Peduli Sihat berdaftar sehingga kini?
- b) Berapakah pecahan mengikut kaum penerima Inisiatif Peduli Sihat sehingga kini?
- c) Berapakah jumlah tuntutan bayaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) telah dibayar sehingga kini?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Program Skim Peduli Sihat yang telah dilancarkan pada tahun 2017 diteruskan pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta. Pada masa ini, program sebegini hanya terdapat di negeri Selangor dan menjadikan ianya terunggul di Malaysia. Sehingga 18 Mac 2018, sebanyak 320,647 Kad Peduli Sihat telah berdaftar dengan anggaran seramai 1,282,588 orang penerima manfaat.

Sebanyak 983 klinik panel yang telah berdaftar bagi menjayakan Skim Peduli Sihat manakala 36 buah lagi masih menunggu kelulusan. Bilangan ini mendekati sasaran Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 1,000 klinik panel.

Sejak pelaksanaan Skim Peduli Sihat pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM17,432,265.99 bagi menampung kos rawatan di klinik panel. Sebanyak 387,742 kali rawatan telah diterima oleh pemegang kad Peduli Sihat. Terdapat sebanyak 241,744 kad masih belum pernah digunakan pada tahun 2018.

Jadual di bawah menunjukkan bilangan penerima manfaat, bilangan klinik panel dan jumlah perbelanjaan bagi pelaksanaan Skim Peduli Sihat mengikut pecahan DUN:

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N01 Sungai Air Tawar	3,198	(tiada klinik swasta)	353,924.10
N02 Sabak	2,786	3	217,417.20
N03 Sungai Panjang	4,498	6	583,872.35
N04 Sekinchan	2,398	2	221,416.50
N05 Hulu Bernam	3,086	2	142,855.90
N06 Kuala Kubu Baharu	2,083	6	160,786.90
N07 Batang Kali	6,493	14	620,118.60
N08 Sungai Burong	2,924	2	321,351.35
N09 Permatang	4,198	5	478,745.30
N10 Bukit Melawati	3,838	3	567,586.00
N11 Ijok	1,966	5	233,526.80
N12 Jeram	4,265	10	479,579.65
N13 Kuang	4,147	7	368,236.40
N14 Rawang	3,856	28	345,026.50
N15 Taman Templer	3,417	12	302,967.95
N16 Batu Caves	3,760	17	197,903.50
N17 Gombak Setia	2,197	7	153,491.14
N18 Hulu Kelang	2,675	2	180,863.70

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N19 Bukit Antarabangsa	2,775	3	146,446.88
N20 Lembah Jaya	3,040	29	224,391.39
N21 Chempaka	1,229	6	117,487.01
N22 Teratai	1,917	2	87,760.25
N23 Dusun Tua	2,205	9	146,660.70
N24 Semenyih	3,720	19	284,639.30
N25 Kajang	2,826	38	225,159.00
N26 Bangi	3,068	26	302,350.02
N27 Balakong	1,336	10	115,215.25
N28 Seri Kembangan	3,793	27	548,749.45
N29 Seri Serdang	2,906	23	178,847.45
N30 Kinrara	2,575	34	192,022.55
N31 Subang Jaya	1,369	30	83,415.65
N32 Seri Setia	3,213	18	373,377.85
N33 Taman Medan	3,382	18	379,400.35
N34 Bukit Gasing	853	8	38,985.60
N35 Kampung Tunku	648	7	41,559.05
N36 Damansara Utama	878	13	32,262.45
N37 Bukit Lanjan	2,769	7	184,513.55

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
N38 Paya Jaras	4,160	21	361,556.10
N39 Kota Damansara	2,829	28	177,865.76
N40 Kota Anggerik	2,987	52	301,712.34
N41 Batu Tiga	3,274	29	323,668.72
N42 Meru	6,187	20	687,654.80
N43 Sementa	3,279	12	358,917.05
N44 Sungai Pinang	1,196	4	74,039.90
N45 Selat Klang	4,095	5	318,953.10
N46 Pelabuhan Klang	2,439	26	297,106.45
N47 Pandamaran	3,127	6	343,790.50
N48 Kota Alam Shah	1,664	7	63,978.98
N49 Seri Andalas	4,001	40	444,564.56
N50 Sri Muda	2,269	31	205,359.50
N51 Sijangkang	3,044	8	307,218.15
N52 Telok Datok	4,751	11	553,065.60
N53 Morib	5,758	10	479,635.64
N54 Tanjung Sepat	4,858	4	639,805.19
N55 Dengkil	4,639	17	657,403.15
N56 Sungai Pelek	4,107	7	689,389.40

DUN	JUMLAH KAD	JUMLAH KLINIK PANEL	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
Kategori Khas/ Luar Kawasan Selangor	145,696	187	513,667.51
JUMLAH KESELURUHAN	320,647	983	17,432,265.99

Jadual di bawah menunjukkan pecahan penerima SPS mengikut kaum sehingga 18 Mac 2018:

BANGSA	JUMLAH	PERATUSAN
MELAYU	162,249	50.60%
CINA	96,121	29.98%
INDIA	59,718	18.62%
ORANG ASLI	589	0.18%
LAIN-LAIN	1,970	0.61%
JUMLAH	320,647	100.00%

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : PRESTASI PELABURAN NEGERI SELANGOR

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah pelaburan diterima setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2017?
- b) Apakah prestasi pelaburan Negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain di Malaysia?
- c) Berapa peluang pekerjaan ditawarkan oleh pelaburan ini dari tahun 2008 hingga 2017?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pelaburan yang diterima setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2017 seperti berikut:-

Tahun	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2008	302	30,980	2,866,163,788	9,004,746,225	11,870,910,013
2009	278	22,753	2,752,526,768	4,007,064,183	6,759,590,951
2010	325	27,865	5,494,986,553	5,146,848,848	10,641,835,401
2011	263	20,750	4,504,853,012	4,237,146,599	8,741,999,611
2012	252	22,719	7,305,494,367	4,429,323,568	11,734,817,935
2013	228	23,519	6,207,711,908	3,625,294,944	9,833,006,852
2014	229	15,118	3,836,871,787	3,205,388,198	7,042,259,985
2015	222	14,139	4,182,475,179	3,781,323,681	7,963,798,860
2016	242	16,427	4,529,119,807	3,351,647,567	7,880,767,374
2017	202	10,031	3,427,583,083	2,164,898,536	5,592,481,619
Jumlah	2,543	204,301	45,107,786,252	42,953,682,349	88,061,468,601

Sumber : MIDA

- b) Berdasarkan statistik projek-projek perkilangan yang diluluskan oleh MIDA bagi tempoh **2008 hingga 2017**, Negeri Selangor merekodkan sebanyak **2,543 projek perkilangan yang diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM88,061,468,602 (RM88.061 bilion)**. Berdasarkan nilai pelaburan, Selangor menduduki tangga kedua selepas Negeri Johor yang mencatatkan nilai pelaburan berjumlah RM150.422 bilion.

Namun begitu, Selangor mencatatkan **bilangan projek tertinggi dan potensi peluang pekerjaan yang terbanyak berbanding dengan negeri lain dengan 2,543 projek perkilangan dan 202,301 potensi peluang pekerjaan.**

Negeri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor D.T.	1,691	166,682	89,568,082,145	60,854,008,375	150,422,090,520
Selangor D.E.	2,543	202,301	45,107,786,254	42,953,682,348	88,061,468,602
Sarawak	278	40,660	36,927,040,116	48,722,267,961	85,649,308,077
Pulau Pinang	1,228	152,686	21,778,240,804	48,263,479,844	70,041,720,648
Melaka	309	40,129	14,397,065,414	16,059,400,634	30,456,466,048
Kedah D.A.	422	43,016	7,146,376,923	19,497,193,925	26,643,570,848
Perak D.R.	437	51,315	11,404,865,557	12,834,464,726	24,239,330,283
Sabah	252	22,623	14,818,777,425	8,714,597,607	23,533,375,032
Negeri Sembilan D.K.	341	32,104	6,832,135,330	14,585,533,079	21,417,668,409
Pahang D.M.	184	20,347	8,976,357,475	11,902,738,700	20,879,096,175
Terengganu D.I.	94	13,673	5,294,128,065	8,393,158,066	13,687,286,131
Kelantan D.N.	45	5,817	2,858,677,288	875,513,994	3,734,191,282
W.P. - Kuala Lumpur	96	5,547	1,141,858,790	235,098,501	1,376,957,291
Perlis I.K.	15	1,225	900,365,712	109,994,700	1,010,360,412
W.P.- Labuan	8	227	85,163,389	45,256,730	130,420,119
Jumlah	7,943	798,352	267,236,920,687	294,046,389,190	561,283,309,877

Sumber : MIDA

- c) Berdasarkan statistik kelulusan projek perkilangan yang direkodkan bagi tahun 2008 hingga 2017, sebanyak **202,301 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan** daripada 2,543 projek perkilangan yang telah diluluskan di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : HADIAH PENGAJIAN IPT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak telah dibelanjakan dari tahun 2008 hingga tahun 2017?
- b) Berapa pecahan mengikut kaum penerima Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dari tahun 2008 hingga 2017 untuk Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri ialah sebanyak RM64,768,000.00.
- b) Pecahan kaum bagi penerima Hadiah Pengajian IPT Kerajaan Negeri Selangor yang direkodkan ialah bermula pada tahun 2010 hingga 2017 sahaja. Pada peringkat permulaan pada tahun 2008 dan 2009 pelaksanaan permohonan Hadiah Pengajian IPT menggunakan sistem manual dan pecahan mengikut kaum tidak direkodkan. Butiran pecahan penerima adalah seperti jadual di bawah :

Jadual 1

Tahun	Statistik Mengikut Bangsa (Layak)			
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain
2010	6788	1294	889	23
2011	5285	1136	833	39
2012	5306	1413	1024	57
2013	5506	1025	803	82
2014	6485	1074	689	94
2015	5108	895	554	76
2016	5359	946	692	110
2017	4212	734	527	65
Jumlah keseluruhan	44049	8517	6011	546